



PRESIDEN dan CEO Perodua, Datuk Zainal Abidin Ahmad, (kiri) menyampaikan replika sumbangan berjumlah RM2 juta kepada Perdana Menteri. - Foto FB rasmi Muhyiddin Yassin

PM terima RM4.6j untuk Tabung COVID-19

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM4.6 juta untuk Tabung COVID-19 daripada empat syarikat, menjadikan jumlah terkumpul wang tunai tabung itu sebanyak RM19.52 juta setakat ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), Datuk Zainal Abidin Ahmad, mewakili Perodua menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM2 juta kepada Perdana Menteri.

Sapura Holdings Sdn Bhd yang diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Shahril Shamsuddin, turut menyampaikan sumbangan RM1 juta.



SAPURA Holdings Sdn Bhd yang diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Shahril Shamsuddin, turut menyampaikan sumbangan RM1 juta. - Foto FB rasmi Muhyiddin Yassin

Syarikat 99 Speedmart Sdn Bhd pula menyumbang RM1 juta yang disampaikan kepada Muhyiddin oleh Pengarah Eksekutifnya, Ng Lee Tieng.

Kwong Wah Yit Poh Press Berhad yang diwakili Penolong Ketua Pengarangnya, Jimmy Ng, menyumbang RM600,000.



PERDANA Menteri menerima sumbangan dari Bank Rakyat. - Foto FB rasmi Muhyiddin Yassin



PENGARAH Urusan Kumpulan dan CEO Kumpulan RHB, Datuk Khairussaleh Ramli, menyampaikan sumbangan syarikat untuk Tabung COVID-19 kepada Perdana Menteri. - Foto FB rasmi Muhyiddin Yassin

Pada majlis sama, Muhyiddin turut menerima sumbangan Kumpulan RHB Bank Berhad sebanyak RM1 juta yang disampaikan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan itu, Datuk Khairussaleh Ramli.

Sumbangan wang tunai RHB dikreditkan dalam Tabung Kementerian Kesihatan (KKM).



PERDANA Menteri turut menerima sumbangan dan OCBC bermula RM600,000.00. - Foto FB rasmi Muhyiddin Yassin



PERDANA Menteri turut menerima sumbangan dalam bentuk peralatan kesihatan iaitu 20 unit ventilator bermula RM3.9 juta dianugerahkan Mah Sing Group Berhad. - Foto FB rasmi Muhyiddin Yassin

Selain wang tunai, Perdana Menteri turut menerima sumbangan dalam bentuk peralatan kesihatan iaitu 20 unit ventilator bermula RM3.9 juta dianugerahkan Mah Sing Group Berhad.

Sumbangan Mah Sing Group disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Tan Sri Leong Hey Kuan.

Replika cek sumbangan wang tunai dan ventilator disampaikan kepada Perdana Menteri di bangunan Perdana Putra di sini, hari ini.

Sumbangan yang diterima dari keenam-enam syarikat hari ini ialah sebagai tanda sokongan kepada kerajaan dalam menangani wabak COVID-19. - BERNAMA